

Headline	Amalan menabung sejak bangku sekolah bawa berkat		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 Jul 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	17	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	242 cm <sup>2</sup>
Journalist	Mohd Hilmi Mahmud	AdValue	RM 8,342
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,026



# Amalan menabung sejak bangku sekolah bawa berkat

• Kakitangan USM berpeluang ke Tanah Suci bersama ibu tahun ini

Oleh Mohd Hilmi Mahmud

bhnews@bh.com.my

► Georgetown

**A**malan menabung sejak berusia 10 tahun lagi membolehkan seorang kakitangan Universiti Sains Malaysia (USM) mengumpul wang untuk mengerjakan haji bersama ibunya, tahun ini.

Khairul Aswad Abd Aziz, 32, dari Butterworth, berkata beliau menabung sejak di bangku sekolah selepas dinasihat ibunya, Saudah Ismail, 72.

"Ketika kecil, ibu hadiahkan saya sebuah tabung dan saya selalu memasukkan wang lebihan daripada perbelanjaan sekolah ke dalam tabung berkenaan. Hampir setiap hari saya masukkan syiling ke dalam tabung itu dan saya

tidak pernah kira wang berkenaan sehingga tabung penuh," katanya ketika ditemui pada program Kursus Haji Perdana, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengurus Besar Kanan Lembaga Tabung Haji (TH), Datuk Syed Saleh Syed Abdul Rahman.

## Atur perbelanjaan

Khairul Aswad berkata, bermula daripada amalan menabung sejak kecil itulah beliau mula belajar menyimpan wang dan lebih berdisiplin dalam mengatur perbelanjaan sehingga dewasa.

Katanya, beliau dan ibunya mendaftar di Tabung Haji sejak 2007

dan bersyukur kerana kedua-dua mereka dapat menunaikan haji bersama pada musim ini.

"Saya dan ibu mendaftar nama untuk menyimpan wang di Tabung Haji sembilan tahun lalu dan bersyukur selepas dimaklumkan nama kami berdua antara yang dipilih mengerjakan haji tahun ini," katanya.

Khairul Aswad berkata, beliau tetap berasa bimbang apabila meninggati insiden kren runtuh di Masjidilharam pada musim haji tahun lalu.

"Memang kita tidak dapat jangka apa yang akan berlaku, namun saya berserah sepenuhnya kepada Allah. Saya hanya tawakal kepada Allah dan berharap sentiasa dilindungi ketika mengerjakan haji," katanya.

Headline	Amalan menabung sejak bangku sekolah bawa berkat		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 Jul 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	17	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	242 cm <sup>2</sup>
Journalist	Mohd Hilmi Mahmud	AdValue	RM 8,342
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,026



Ketika kecil, ibu  
hadiahkan saya sebuah  
tabung dan saya selalu  
memasukkan wang  
lebihan daripada  
perbelanjaan sekolah  
ke dalam tabung  
berkenaan”

***Khairul Aswad Abd Aziz,  
Jemaah haji***